

Johor yakin menang

BH 19 DEC 2002

Oleh Ahmad Ghazali Musa

JOHOR BAHRU, Rabu - Kejayaan negara dalam tuntutan terhadap hak Pulau Sipadan dan Ligitan semalam meyakinkan Kerajaan Johor isu tuntutan Pulau Batu Putih dengan Singapura yang sedang dibicarakan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) memihak kepada negara.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata ia berasas kedu-

dukan pulau itu di perairan Malaysia dan pelbagai perkara yang dibangkitkan ketika perbicaraan, termasuk sejarah, kegunaannya, pengurusan dan pentadbiran serta kedudukan sebenar pulau itu.

"Yang jelas ia (kedudukan Pulau Batu Putih) dalam kawasan perairan kita. Selain itu, kita mempunyai hujah kuat dari segi sejarah yang boleh diguna ketika perbicaraan bagi memperkukuhkan tuntutan terhadap pulau itu," katanya selepas

mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco Kerajaan Johor, di sini hari ini.

Beliau mengulas kedudukan terkini isu tuntutan Pulau Batu Putih antara Malaysia dan Singapura. Kes tuntutan pulau itu sudah disebut di ICJ.

Berita Harian sebelum ini melaporkan Malaysia sudah menyerahkan dokumen kepada Singapura berkaitan persetujuan kedua-dua negara bagi penyelesaian tuntutan bertindih Pulau Batu Putih.

Malaysia menggunakan peguam yang sama digunakan bagi kes Pulau Sipadan dan Ligitan tetapi proses membawa kes berkenaan dan perbicaraannya mengambil masa bertahun-tahun.

Pulau Batu Putih atau dikenali sebagai Pedra Branca menempatkan sebuah rumah api, kini dikawal ketat dan diselenggara 24 jam oleh empat pekerja Singapura walaupun kedudukannya hanya kira-kira 15 batu nautika dari pantai negara ini.

tuntut Batu Putih

Singapura mula membuat tuntutan hak mereka terhadap pulau berkenaan terbabit pada 1989.

Sejak itu, republik berkenaan mengawal ketat pulau itu dan tidak membenarkan nelayan tempatan menghampiri atau menjalankan kegiatan menangkap ikan di perairan berhampiran.

Berikutan kekusutan tuntutan pulau itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura, Goh

Chok Tong setuju membawa perkara itu ke ICJ pada September tahun lalu.

Berita Harian sebelum ini melaporkan beberapa kejadian nelayan tempatan di Pengerang, di sini, dihalau pihak berkuasa Singapura kerana dikatakan mencero boh perairan republik itu.

Mengenai kejayaan tuntutan Pulau Sipadan dan Ligitan, Abdul Ghani bersyukur kerana keputusannya berpihak kepada Malaysia.

Katanya, keputusan muktamad yang menamatkan pertikaian 33 tahun dengan Indonesia membuktikan hak kedaulatan Malaysia terhadap kedua-dua pulau itu.

"Kita tidak mahu memanjangkan pertikaian dengan negara jiran, walaupun jelas ia adalah hak kita. Atas semangat kejiranan dalam menuntut hak terhadap pulau itu kita serahkan kepada ICJ memutuskannya," katanya.